



## MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

# KENYATAAN MEDIA

3 Februari 2018

### **JANGAN GUNA RUMAH IBADAT UNTUK TABUR FITNAH KEPADA KERAJAAN**

Saya amat kesal ucapan saya di Kenduri 1 Wilayah Persekutuan Parlimen Titiwangsa pagi tadi telah disalah ertikan oleh Malaysia Insight.

Saya tidak mengatakan institusi gereja adalah tempat menyebarkan fitnah. Saya cuma mengingatkan supaya semua rumah ibadat meneruskan aktiviti keagamaan masing-masing dan tidak menjadikan rumah ibadat sebagai pusat menyebarkan berita-berita palsu sehingga menaikkan semangat kebencian kepada Kerajaan. Apa jua berita yang diulas di dalam rumah-rumah ibadat mengenai isu-isu semasa perlulah mendapat kesahihan berita tersebut supaya tidak menimbulkan fitnah.

Saya sendiri mempertahankan sebidang tanah untuk pembinaan gereja baru di Kampung Pandan Indah. Saya hanya merujuk gereja sebagai contoh kerana apa yang saya ucapkan adalah mewakili kepada semua rumah ibadat lain termasuk masjid, surau, kuil dan tokong.

**DATUK SERI UTAMA TENGIKU ADNAN BIN TENGIKU MANSOR**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**